KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	16/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	SESB			

Utusan 16.12.2021_35

BP Energy, SESB tandatangan perjanjian pembelian tenaga

PETALING JAYA: Syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd., BP Energy Sdn. Bhd. (BP Energy) telah menandatangani perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).

Pembelian pada 1 Disember itu untuk melaksanakan pembangunan 5.00 MWa.c. Ladang Solar PV Berskala Besar di Kunak, Sabah. Tarikh operasi komersial dijadualkan pada 30 Jun 2023.

Bina Puri dalam maklumannya memberitahu, BP Energy akan mereka bentuk, membina, menguji, mentauliah, memiliki, mengendali dan menyelenggara fasiliti penjanaan tenaga solar PV dengan kapasiti 5.00MWa.c. itu yang akan dibina di atas dua lot tanah di Kunak, Sabah.

"Pembinaan itu adalah untuk sambungan ke rangkaian pengagihan voltan sederhana SESB di PMU Kunak. Tempoh kontrak PPA adalah selama 21 tahun dari tarikh operasi komersial," katanya.

Mengulas pencapaian itu, Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri, Datuk Matthew Tee Kai Woon berkata, selepas empat tahun menerima Surat Penerimaan Tawaran bagi projek itu daripada Suruhanjaya Tenaga (ST), Kumpulan amat berbesar hati kerana akhirnya telah menandatangani PPA tersebut.

Jelasnya, daripada 10 syarikat yang dianugerahkan di bawah LSS2 di Sabah, Bina Puri adalah syarikat pertama yang menandatangani PPA dengan SESB.

"Ini merupakan satu peristiwa penting bagi Kumpulan kerana ia adalah projek tenaga pertama Bina Puri di Malaysia, berikutan kejayaan penyenaraian anak syarikat tenaga kami pada Jun 2017 di Bursa Saham Indonesia," katanya.

Tambah beliau, Kumpulan berharap dapat menyumbang kepada negara dengan penggunaan solusi tenaga boleh diperbaharui, selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan masa depan yang lebih mampan dan hijau.

"Dengan pengumuman ini, kami berharap untuk mendapatkan lebih banyak projek tenaga di Malaysia terutamanya di Sabah kerana kami juga mempunyai kedudukan yang kukuh dalam sektor lain di sini seperti pembinaan dan pembangunan hartanah," jelasnya.